

27/11/2001

Rukun Tetangga diperluas

KERAJAAN meluluskan peruntukan khas RM13 juta bagi membina lebih 400 program Rukun Tetangga di seluruh negara tahun depan bagi mengeratkan semangat perpaduan di kalangan rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk S Veerasingam, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju meluluskan peruntukan itu berikutan berpuas hati dengan keberkesanan program Rukun Tetangga dalam memupuk perpaduan rakyat.

Katanya, program Rukun Tetangga bukan saja mampu menangani masalah perpaduan di sesuatu kawasan malah memberi peluang kepada rakyat pelbagai peringkat bergaul antara satu sama lain.

Menjawab soalan tambahan Ronald Kiandee (BN-Beluran), beliau berkata, setakat ini 11,482 kegiatan dilaksanakan Rukun Tetangga di seluruh negara membabitkan penduduk lebih 1.1 juta orang.

(END)